



JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK
JALAN DIPLOMATIK, OFF JALAN BAKO,
93050 PETRA JAYA
KUCHING, SARAWAK



Tel : 082 - 473473
Faks : 082 - 473730
(Sektor Pengurusan Sekolah)

Ruj.Kami : JPS(W)/SPS(pp)/153/09/07/01/03/Jld.28(44)
Tarikh : 31 Julai 2015

Dr Willie Lau
RYLA 2015 Kuching Organising Chairman,
Rotary District 3310

Tuan,

REQUEST FOR PERMISSION FOR STUDENTS TO PARTICIPATE RYLA CAMP PROGRAMME ON 11 DECEMBER 2015 – 14 DECEMBER 2015 AT SEKOLAH MENENGAH SAINS KUCHING, JALAN BATU KAWA OFF JALAN MATANG

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada surat tuan bertarikh 30 Julai 2015 berkenaan dengan perkara tersebut di atas.

2. Setelah meneliti permohonan yang dikemukakan, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak tiada halangan kepada pihak tuan untuk menganjur dan mengundang murid-murid sekolah bagi tujuan menyertai dan mengambil bahagian dalam program **RYLA Camp** pada **11 Disember 2015 hingga 14 Disember 2015** bertempat di **Sekolah Menengah Sains Kuching**.

3. Sehubungan dengan itu, pihak tuan dimohon untuk memaklumkan secara bertulis kepada Pegawai Pendidikan Daerah yang berkenaan dan mendapatkan kebenaran daripada Pengetua, sekolah-sekolah yang berminat tentang program tersebut di samping mematuhi syarat-syarat berikut :-

- 3.1 murid-murid sekolah tidak boleh dipaksa atau diwajibkan mengambil bahagian dalam program tersebut;
- 3.2 penyertaan murid hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga mereka;
- 3.3 keselamatan dan kebajikan murid dan guru hendaklah diutamakan dan pihak tuan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keselamatan murid-murid dan guru pengiring yang menyertai program tersebut;
- 3.4 guru pengiring hendaklah dilantik oleh pihak sekolah mengiringi murid-murid ke program tersebut di atas;
- 3.5 tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, murid, guru dan sekolah yang terlibat;
- 3.6 Jabatan ini berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran sekiranya pihak tuan gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuatkuasa.

4. Pihak tuan dinasihatkan berhubung terus dengan Pegawai Pendidikan Daerah yang berkenaan dan Pengetua, sekolah-sekolah yang berminat untuk membincang dan mendapat pandangan tentang penglibatan murid sekolah dalam program tersebut di atas.

5. Kelulusan ini hanya diberi untuk tujuan yang dipohon sahaja dan luput selepas tarikh **14 Disember 2015**.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(SUFFIAN BIN HAJI JALET)

Penolong Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
b.p. Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak

- s.k. 1. Fail Timbul Pengarah Pendidikan Sarawak
2. Timbalan Pengarah Pendidikan Sarawak
3. Pegawai Pendidikan Daerah Kuching
4. Pegawai Pendidikan Daerah Padawan